

HIZAMIN TABLET

Mequitazine (5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hizamin
2. Bagaimana Hizamin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hizamin
4. Cara menggunakan Hizamin
5. Semasa menggunakan Hizamin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hizamin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Hizamin

Hizamin digunakan untuk melegakan gejala tindak balas hipersensitiviti seperti geligata, inflamasi hidung dan lapisan luar mata (konjunktiva) dan masalah gatal-gatal kulit.

Bagaimana Hizamin berfungsi

Mequitazine adalah antihistamina dan tindakannya termasuk antimuskarinik dan sifat sedatif pusat.

Sebelum menggunakan Hizamin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Hizamin dalam keadaan di bawah:

- semasa serangan asma akut
- bayi pra-matang dan kanak-kanak bawah umur 12 tahun
- sensitif kepada ubat yang mengandungi phenothiazines dan bahan kandungan dalam produk ini.

Mengandung dan menyusukan anak

Tidak disyorkan untuk wanita hamil atau ibu yang menyusukan anak.

- Sebelum mula menggunakan

Berhati-hati jika diguna untuk orang tua, orang yang mempunyai tekanan tinggi mata, pengekalan air kencing, penambahan saiz kelenjar prostat, halangan keluar bukaan perut atau usus, sawan dan gangguan jantung dan darah yang teruk.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda menggunakan ubat-ubat ini:

- sympathomimetic amines
- ubat depresan sistem saraf pusat
- antikolinergik
- anti depresan tricyclic
- perencat monoamine oksidase

Cara menggunakan Hizamin

- Berapa banyak harus digunakan

Diambil 5mg dua kali sehari. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini.

Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda terlebih dos termasuk mengantuk.

Semasa menggunakan Hizamin

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Hizamin.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi Hizamin kepada seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan perhatian teliti kerana kemungkinan kesan mengantuk. Elakkan daripada minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

Walaupun mequitazine mempunyai kesan mengantuk yang kurang. Namun begitu, pastikan ia tidak menyebabkan mengantuk sebelum mengendalikan jentera.

Mulut kering, penglihatan kabur mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Hizamin

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet dwicembung, bulat berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: mequitazine
- Bahan tidak aktif: polyvinylpyrrolidone, lactose monohydrate, cornstarch dan magnesium stearate

- Nombor MAL

MAL19988487AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Penang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/08/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)170817/00218